

# PM imbau keperitan UM- pejuang 1/8/2007 kemerdekaan

BUTTERWORTH 31 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengimbau kembali keperitan yang dilalui para pejuang kemerdekaan negara termasuk bapanya, Datuk Ahmad Badawi Abdullah Fahim dan penyokong UMNO khususnya semasa perhimpunan di Padang Kelab Rekreasi Butterworth pada tahun 1948 yang kini dikenali sebagai Dataran Pemuda Merdeka.

Perdana Menteri berkata, pada ketika itu para pejuang yang menuntut kemerdekaan sanggup berkorban apa saja untuk negara termasuk harta benda dan keringat semata-mata bagi memastikan tanah air bebas daripada penjajahan seterusnya ditadbir oleh rakyat tempatan.

Abdullah yang terharu dewan baru itu dinamakan bersempena nama bapanya bagi memperingati jasa dan pengorbanan Allahyarham berkata, beliau semasa itu masih kanak-kanak berdiri di bawah terik matahari di tanah lapang itu sebagai medan berkumpul para pejuang kemerdekaan.

"Pergerakan Pemuda UMNO bila datang ke kawasan ini mereka berjalan kaki dari Kepala Batas sejauh 14 hingga 16 kilometer dengan diikuti dua kereta lembu yang membawa dua tempayan berisi air sirap sebagai bekal air minuman untuk mereka yang berjalan.

"Walaupun panas terik dan mereka berdiri berjam-jam lamanya dan selepas berjalan jauh, mereka masih bersemangat. Itulah semangat perjuangan kemerdekaan pada masa itu," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap melancarkan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara) peringkat negeri seterusnya merasmikan Dewan Datuk Ahmad Badawi di sini hari ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menandatangani plak khas sebagai tanda pengiktirafan perjuangan tokoh negara menjelang kemerdekaan yang ke-50.

Abdullah berkata, segala kemudahan termasuk memerintah sendiri tanah air tercinta adalah merupakan hasil usaha pejuang terdahulu yang dinikmati generasi masa ini.